

11 NOV 1997

Abdullah-Usaha

MALAYSIA-MECEDONIA SETUJU GERAKAN USAHA LAKSANAKAN PROGRAM

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Malaysia dan Mecedonia hari ini bersetuju supaya usaha-usaha digerakkan bagi melaksanakan keputusan-keputusan yang diambil dalam perbincangan antara pemimpin kedua-dua negara.

Perkara ini dinyatakan oleh Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selepas pertemuan lebih 30 minit dengan rakan sejawatnya dari Mecedonia Dr Vladoj Handziski di pejabatnya di sini.

Dr Vladoj berada di sini kerana mengiringi Presiden negaranya Kiro Gligorov yang melakukan lawatan rasmi empat hari ke negara ini.

"Memang kami faham lawatan dan pertemuan begini akan meningkatkan hubungan dua hala," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Mecedonia hari ini mengadakan perbincangan dua hala termasuk dalam bidang pelancongan dan perdagangan antara kedua-dua negara.

Abdullah berkata, kedua-dua negara juga bersetuju mengadakan lebih banyak pertemuan untuk membincangkan perkara-perkara yang sedang dilaksanakan dalam rangka program dua hala.

Menurut beliau lagi, mereka juga bersetuju agar duta kedua-dua negara di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sentiasa mengadakan pertemuan untuk bertukar-tukar pandangan serta menerangkan pendirian masing-masing berhubung soal penyusunan semula PBB dan Majlis Keselamatan badan dunia itu.

Abdullah berkata Dr Vladoj juga menyatakan minat dan sokongan kepada cadangan Malaysia mengadakan satu forum tidak rasmi berhubung bagaimana meningkatkan hubungan antara pelbagai kumpulan etnik di Bosnia dan Herzegovina.

Beliau berkata Mecedonia merupakan satu-satunya negara bekas Yugoslavia yang berjaya membangunkan hubungan antara pelbagai kaum melalui kestabilan politik dan perancangan pembangunan.

Sementara itu, Abdullah mengulangi pendirian Malaysia yang menentang sebarang siasatan terhadap syarikat petroleum nasional Petronas berhubung urusan niaganya dengan Iran.

"Tapi setakat kalau nak datang tengok, kita tak boleh tahan. Tapi kita akan bantah sesiapa yang nak membuat penilaian atau pemeriksaan berhubung penglibatan Petronas dalam pelaburannya di Iran." katanya

Mengenai soal visa bagi kedatangan pegawai-pegawai Amerika ke sini, beliau berkata soal itu adalah soal lain. -- BERNAMA

RV PR